

BARAU-BARAU
Straw-headed Bulbul

FAMILI: Pycnonotidae
NAMA SAINTIFIK: *Pycnonotus zeylanicus*



CIRI-CIRI: Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz yang lebih besar daripada spesies merbah yang lain di mana pada bahagian mahkota kepala dan pipi berwarna emas kekuningan manakala bahagian mata pula berwarna kehitaman. Individu ini mempunyai bahagian rengkong yang berwarna putih. Pada bahagian belakang tengkuk, bahagian belakang atas badan, pangkal sayap dan dada, terdapat jalur-jalur keputihan. Bagi individu juvenile pula, bahagian kepala adalah lebih pudar dan berwarna coklat. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz kira-kira 29 sm.

MAKANAN: Makanan utama terdiri daripada buah beri, buah-buahan yang bersaiz kecil, serangga-serangga kecil dan adakalanya spesies ini memakan tunas tumbuhan dan nektar.

HABITAT: Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan sekunder, kawasan belukar, kawasan pertanian dan adakalanya dijumpai di kawasan hutan paya bakau, pada ketinggian sehingga 245 m dari aras laut.

BUNYI: Burung ini mengeluarkan bunyi bergetar yang kuat serta siulan yang berirama.

PEMBIAKAN: Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Januari hingga September di mana sarang yang dibina agak besar berbentuk seperti cawan di kawasan belukar, pada ketinggian sehingga 1.5 ke 4.6 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2 biji berwarna putih serta terdapat jalur dan bintik-bintik berwarna coklat kemerahan, coklat keunguan dan kelabu (selalunya di kawasan hujung telur). Telur ini berukuran kira-kira 27.9 X 19.6 m secara purata.

STATUS: Akta 76/72, dilindungi sepenuhnya.
IUCN, berisiko tinggi untuk pupus.